

# ***Ini Kahwin Dengan Puteri Jinjana: Satu Kajian Naskhah dan Analisis Sosiologi***

***Ini Kahwin Dengan Puteri Jinjana: Text Review and Sociology Analysis***

Muhammad Syukri Bin Masehood  
Zubir Bin Idris

Program Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

[zidris@ukm.edu.my](mailto:zidris@ukm.edu.my)

## **ABSTRAK**

*Kajian manuskrip ini meneliti naskhah Ini kahwin dengan Puteri Jinjana yang tersimpan di Koleksi Arkib dan Khas, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Teks Ini kahwin dengan Puteri Jinjana merupakan sebuah naskhah yang menggambarkan tentang kehidupan golongan diraja yang sarat dengan aspek sosial dan budaya. Kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi untuk menelusuri pelbagai aspek sosial dan budaya yang diamalkan dalam kehidupan sehari-hari golongan diraja. Baginda Usul Majlis Perdana Halim merupakan watak utama dalam penceritaan ini selain Permaisuri Beranta Nurhalam, Puteri Jinjana dan Shah Alam Besar. Sehubungan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa aspek sosial dan budaya yang ditemui dalam naskhah ini seperti kepercayaan terhadap kewujudan makhluk halus, pengamalan unsur magis dalam kalangan golongan diraja, penggunaan sirih, perubatan tradisional dan institusi perkahwinan. Diharap kajian ini dapat memberikan maklumat kepada masyarakat untuk meneliti manuskrip-manuskrip yang boleh didapati dengan menggunakan pendekatan sosiologi.*

**Kata kunci:** manuskrip, *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*, sosiologi, budaya, golongan diraja.

## **ABSTRACT**

*This manuscript study examines the text This marriage with Princess Jinjana is stored in the Archives and Special Collections, Tun Sri Lanang Library, Universiti Kebangsaan Malaysia. Text This marriages with Princess Jinjana is a text that describes the life of the royal who is laden with social and cultural aspects. This study uses a sociological approach to explore the various social and cultural aspects practiced in the daily life of the royalty. His Majesty's Majesty's Prime Minister was the main character in this story, besides Queen Nurhalam Berayang, Puteri Jinjana and Shah Alam Besar. In this regard, the findings show that there are some social and cultural aspects found in this text as the belief in the existence of subtle creatures, the practice of magical elements among royalists, the use of betel, traditional medicine and marital institutions. Hopefully this study will provide information to the public to examine the manuscripts that can be found using a sociological approach.*

**Keywords:** manuscript, *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*, sociology, culture, royal group.

## 1. Pengenalan

Manuskrip atau naskhah ialah hasil tulisan yang bertulis tangan yang ditulis di atas kertas dan bahan-bahan lain seperti kulit kayu, daun lontar, kulit binatang (kambing), belulang, tanduk, rotan, pelepas, buluh dan lain-lain lagi. Peralatan atau bahan yang digunakan dalam penghasilan manuskrip ialah batang resam, batang pokok kabung dan enau. Penggunaan dakwat pula adalah terdiri daripada jelaga dan damar yang dicampur bersama madu dan getah. Perkataan manuskrip lahir daripada perkataan Latin iaitu *manuscriptus* yang bermaksud sesuatu suratan yang ditulis dengan tangan pada apa jua bentuk permukaan. Perkataan *manuscriptus* lahir daripada dua perkataan iaitu *manu* yang bermaksud tangan dan *scriptus* bermaksud menulis. Namun begitu, perkataan naskhah digunakan dengan meluas oleh masyarakat Melayu sebelum perkataan manuskrip.

Manuskrip-manuskrip yang berbentuk hikayat banyak menumpukan kepada kehidupan masyarakat dan juga golongan pemerintah. Dalam hikayat banyak diperihalkan tentang golongan masyarakat istana yang dibekalkan dengan ciri-ciri kesaktian, keberanian, dan kegagahan wira yang luar biasa. Pengarang juga melukiskan kejelitaan puteri raja, kegagahan hulubalang, bala tentera yang tidak terkira banyaknya serta binatang dan benda-benda yang berunsur magis. Setiap watak yang diceritakan di dalam hikayat pula memainkan peranan yang penting dalam sesebuah hikayat yang dihasilkan. Antara watak-watak yang berkaitan adalah seperti raja, putera, puteri, menteri, hulubalang dan sebagainya. Kepelbagaiannya watak yang terdapat dalam sesebuah hikayat menjadikan hikayat tersebut lebih menarik untuk dibaca atau dikaji oleh masyarakat seterusnya menjadi sebuah hiburan kepada khalayak.

Manuskrip-manuskrip yang berkonsepkan hikayat menceritakan pelbagai kisah dan cerita yang merangkumi pelbagai aspek. Di dalam sesebuah hikayat selalunya terdapat pertandingan yang menguji kepahlawanan wira yang sering kali dikurniakan kesaktian. Wira akhirnya menjadi juara kerana mengalahkan lawannya yang terdiri daripada anak-anak raja dan mengahwini puteri raja yang menjadi rebutan. Antara hikayat tersebut termasuklah naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* yang menggambarkan latar belakang kehidupan golongan atasan di mahligai istana. Berdasarkan latar belakang tersebut, terdapat pelbagai kisah mengenai konflik perhubungan antara golongan diraja selain diselitkan dengan unsur fantasi.

## 2. Tinjauan Literatur

Dalam menyempurnakan kajian ini, beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian ini telah diteliti dan didapati bahawa kajian terhadap naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* ini masih belum dikaji oleh mana-mana pihak. Namun, terdapat beberapa kajian yang dilakukan khusus mengenai manuskrip yang berunsurkan sosiologi.

Haron Daud (1985) dalam tesisnya ada menyatakan tentang perihal sosial yang membawa kepada satu pengertian yang luas dan merangkumi segala hal yang berkaitan dengan masyarakat. Dalam masyarakat Melayu tradisional, sistem sosial, struktur sosial, mobiliti sosial, bentuk kepercayaan, perhubungan antara anggota masyarakat, stratifikasi sosial dan sebagainya dapat digambarkan dengan ketara dalam karya agung, *Sejarah Melayu*. Dalam *Sejarah Melayu*, dikisahkan tentang kekuatan luar biasa yang dimiliki Badang. Badang dikatakan menjadi kuat sehingga dapat mencabut pokok-pokok besar, mengangkat benda-benda berat dan tidak dapat ditewaskan oleh mana-mana pahlawan yang handal setelah memakan muntah hantu.

Kajian Zubir Idris (1999) dalam *Misa Melayu: Satu Kajian Teks* ada menyatakan tentang sistem sosial dan adat istiadat masyarakat Melayu tradisional. *Misa Melayu* merupakan sebuah naskhah manuskrip berbentuk sejarah yang mengisahkan tentang

gambaran masyarakat Perak. Pelbagai bentuk gambaran sosial yang dapat digambarkan dalam naskhah tersebut seperti adat perkahwinan, adat pertabalan raja, istiadat perarakan raja berangkat dan kepercayaan terhadap agama Islam.

Harun Jaafar (2004), menyatakan bahawa status seseorang pengarang akan menentukan corak dan bentuk sesuatu karya. Gambaran masyarakat dalam karya-karya prosa Melayu klasik dapat ditelusuri melalui tiga aspek iaitu pandangan hidup, kemanusiaan dan kemasyarakatan. Genre-genre dalam prosa Melayu klasik telah mendokumentasikan perihal mengenai sosial dan kebudayaan masyarakat Melayu seperti adat dan adab, pemikiran, falsafah dan kepercayaan. *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* mengisahkan Awang Sulung Merah Muda yang dikurniakan dengan kesaktian dan keberanian untuk menghadapi aneka jenis cabaran sepanjang hidupnya sehingga terpaksa menggunakan semua kekuatan yang ada padanya untuk berhadapan dengan Tuanku Mambang Saujana. Oleh itu, sebuah negeri tidak akan dapat mempertahankan kedaulatannya tanpa kehadiran seorang pahlawan yang terbilang.

Menurut Membunga@Siti Meriam Yaacob (2015), *Misa Melayu* ada memaparkan gambaran masyarakat yang menghadapi konflik khususnya tertumpu pada isu tampuk pemerintahan atau perebutan kuasa. Konflik bermula apabila Perak mempunyai dua orang raja setelah berlakunya huru-hara. Sultan Muzaffar Syah telah membawa diri ke Kuala Kangsar dan menjadi Raja Perak di sana. Adinda baginda, Sultan Muhammad Syah pula bertakhta di Berahman Indera. Namun, konflik ini tidak dibiarkan berlarutan oleh Sultan Muhammad Syah yang berfikiran jauh. Sultan Muhammad Syah telah berkompromi bagi mengelakkan konflik yang berpanjangan dan kemungkinan akan berlaku satu perebutan kuasa yang tentunya melibatkan pertempuran dan pertumpahan darah. Kaedah kompromi ini memerlukan kedua-dua belah pihak mengalah bagi mencapai keputusan yang dapat diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Walaupun terdapat beberapa kajian lepas yang telah dilakukan terhadap naskhah-naskhah lama yang berunsurkan sosiologi, namun kajian terhadap naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* masih belum pernah dilakukan oleh mana-mana sarjana. Oleh itu, kajian yang dilakukan terhadap naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* ditelusuri dengan menggunakan pendekatan sosiologi.

### 3. Metodologi

Kajian ini berorientasikan kaedah kepustakaan memandangkan kaedah ini paling sesuai digunakan. Bahan-bahan yang terdapat dalam perpustakaan menjadi rujukan dan keterangan terbaik untuk menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan ilmu sosiologi dalam beberapa bahagian. Menerusi kajian ini, terdapat banyak maklumat daripada kajian sarjana, ulasan artikel dan buku-buku mengenai pendekatan sosiologi.

Kajian ini telah menggunakan bahan-bahan seperti buku-buku ilmiah, jurnal dan lain-lain sumber yang terdapat di Pepustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Pusat Sumber Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Segala data yang diperoleh melalui pencarian di tempat-tempat tersebut dianalisis mengikut ruang lingkup kajian yang telah ditetapkan.

Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi yang memfokuskan kepada perihal masyarakat kelas atasan. Pendekatan sosiologi ini amat sinonim dengan masyarakat yang memperlihatkan gambaran sebuah masyarakat sama ada dari aspek sosial atau budaya. Penggunaan pendekatan sosiologi terhadap kajian ini adalah untuk meneliti nilai-nilai sosial dan budaya yang terdapat dalam naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Kritikan realisme mempunyai kaitan yang erat dengan pendekatan sosiologi. Mana Sikana (1998) menyatakan salah seorang perintis kepada pendekatan sosiologi iaitu Hippolyte Taine menegaskan bahawa kesusasteraan harus dinilai dari sudut masa, bangsa dan persekitaran. Dasar tersebut seakan telah digunakan dalam pendekatan historisme tetapi telah diperkembangkan dalam pendekatan sosiologi. Hal ini turut dipersetujui oleh A. Rahman Yusof (1988) yang turut mengatakan bahawa Hippolyte Taine merupakan bapa sosiologi yang menekankan sastera adalah berpaksikan kepada tiga unsur penting iaitu *moment, race* dan *milieu*.

Aoh K Hadimajda (1972) menyatakan bahawa kemajuan yang dicapai dalam ilmu falsafah terutama sosiologi yang dikemukakan oleh Auguste Comte merupakan ilmu tertinggi dan patut dipelajari. Sesebuah karya yang dihasilkan mestilah mendampingi masyarakat dan segala gambaran masyarakat yang terkandung di dalam karya mestilah dipaparkan kepada khalayak. Isi karya haruslah mengenai permasalahan masyarakat, nilai-nilai institusi komuniti dan pandangan dunia terhadap keseluruhan masyarakat yang digambarkan. Sekiranya aspek luar diambil kira, ia hanya digunakan dalam usaha membantu untuk memahami karya tersebut.

##### 4.1 Konsep Sosiologi

Mana Sikana (1998) menyatakan pendekatan sosiologi terbahagi kepada dua iaitu sosiologi yang berdasarkan kepada Barat (sosiologi formal) dan yang yang menjurus kepada Marxisme (realisme sosialis). Pendekatan sosiologi termasuk dalam sejarah perkembangan kritikan baru. Terdapat dua konsep asas pendekatan sosiologi formal yang menjadi panduan dalam menggunakan pendekatan tersebut. Pertama, para sarjana melihat sastera sebagai suatu cerminan sejarah terutama sejarah perkembangan ekonomi, teknologi dan perhubungan kelas. Gerakan kesusasteraan pada zaman romantisme (zaman di mana aliran sastera dan seni di Eropah pada hujung abad ke-18 hingga awal abad ke-19 yang mengutamakan perasaan, keindahan dan kebebasan melahirkan perasaan dan isi hati individu) dan klasik dianggap sebagai cermin yang memperlihatkan semula peristiwa-peristiwa penting dalam masyarakat yang merangkumi pelbagai bidang. Pertikaian dan permasalahan yang berlaku dalam masyarakat menjadi sumber kepada penulis untuk mencerminkan dan menggambarkan peristiwa yang berlaku.

Kedua, pendekatan sosiologi menekankan aspek perwatakan dalam karya. Watak-watak hendaklah menggambarkan sifat individu dan peribadi seperti yang telah ditentukan oleh masyarakatnya. Persekutuan dan alam sekeliling menentukan perwatakan. Watak mestilah disediakan dengan sesuatu perjuangan dan matlamat yang ditentukan pula oleh proses ekonomi, sosial dan politik. Gambaran dari aspek kejiwaan dan pemikiran hendaklah dikurangkan. Secara keseluruhannya, perwatakan digambarkan menerusi sifat yang lazim berdasarkan persekitaran sosialnya. Kedua-dua konsep ini berkembang pesat dikatakan bahawa sesebuah karya tidak akan menjadi agung sekiranya tidak menggambarkan perjuangan individu dalam komunitinya. Dasar yang dipegang dalam pendekatan sosiologi ini ialah sesebuah karya kesusasteraan tidak akan lahir daripada kekosongan sosial. Karya mestilah mengandungi keterangan atau informasi tentang masyarakat.

Tambah Mana Sikana (1998) lagi, pengaplikasian pendekatan sosiologi dalam karya kesusasteraan perlu diteliti dengan telus dan objektif. Terdapat empat kaedah pengaplikasian pendekatan sosiologi dalam sesebuah karya sastera. Pertama, pendekatan ini akan membicarakan mengenai latar belakang penulis. Sebelum membuat kajian terhadap isi karya, riwayat hidup pengarang, termasuk tempat lahir, pendidikan, persekitaran pengarang dan sebagainya hendaklah dikaji terlebih dahulu. Sesebuah karya yang dihasilkan

semestinya mempunyai faktor yang mendorong kepada penghasilannya. Kedua, aspek dalaman karya akan diteliti berdasarkan kepentingan kemasyarakatan. Tema yang dikemukakan mestilah bersesuaian dengan tuntutan pembaca yang menyebabkan mereka lebih sensitif dengan keadaan persekitaran. Tema-tema yang menimbulkan kesedaran kepada masyarakat, mendatangkan manfaat dan mengajak pembaca selalu berhati-hati dengan anasir-anasir yang boleh merosakkan aspek kemasyarakatan tersebut. Ketiga, pendekatan sosiologi memberikan penekanan kepada kesan karya kesusasteraan kepada masyarakat. Karya yang menerima kedudukan istimewa dalam kalangan pembaca semestinya karya yang menyingkap permasalahan yang berlaku dalam sebuah masyarakat pada masa tertentu. Golongan pembaca seolah-olah terasa berada dalam cerita yang ingin disampaikan pengarang dan berusaha untuk memajukan diri. Keempat adalah pengaruh sebuah karya. Pengaruh dapat dilihat melalui aspek reaksi dan impikasi bukan sahaja kepada golongan pembaca tetapi kepada kesusasteraan itu sendiri. Pengaruh lebih tertumpu kepada fungsi karya yang dihasilkan.

#### 4.2 Sosiologi Dalam Naskhah *Ini Kahwin Dengan Puteri Jinjana*

Naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* menggambarkan unsur sosiologi dalam kalangan golongan diraja. Naskhah ini menceritakan kehidupan golongan di istana yang penuh dengan adat dan tradisi. Naskhah ini berbentuk hikayat yang mengisahkan tentang perkahwinan diraja selain disisipkan dengan unsur magis yang menjadi penyedap kepada jalan penceritaan. Di dalam naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* dapat dilihat pelbagai unsur kesenian dan kebudayaan masyarakat Melayu tradisional yang semakin pupus ditelan zaman. Antara gambaran masyarakat yang dapat dilihat dalam naskhah ini adalah seperti pengamalan unsur magis dalam kalangan pemerintah, kepercayaan terhadap kewujudan makhluk halus, penggunaan sirih, adat istiadat perkahwinan diraja dan perubatan tradisional yang akan dijelaskan selanjutnya.

##### 4.2.1 Pengamalan Unsur Magis dalam Kalangan Pemerintah

Hanapi Dollah dan Mohd. Nazri Ahmad dalam Anwar Din (2007) menyatakan kepercayaan magis bermaksud percaya terhadap kuasa ghaib untuk keperluan segera. Individu-individu yang pakar dalam bidang ini disebut sebagai bomoh, pawang, dalang, *bobohizan*, poyang, bidan dan sebagainya. Mereka tidak memiliki rumah ibadat yang khas. Hal ini berbeza dengan kepercayaan terhadap agama yang dikatakan ada berkaitan dengan unsur-unsur magis. Kepercayaan agama ialah percaya terhadap kuasa ghaib untuk jangka masa panjang. Golongan yang pakar dalam bidang ini termasuk imam, bilal, tok guru, paderi, sami dan sebagainya. Mereka mempunyai tempat ibadat yang tersendiri seperti masjid, surau, gereja, kuil dan tokong.

Ilmu dalam masyarakat Melayu dan pemikiran Melayu diadaptasi dengan pemikiran kuno dan tradisional Melayu mengenai keghaiban alam dan segala macam makhluk halus dan kuasa luar biasa. Menurut Anwar Ridhwan (2005), seseorang yang mempunyai ilmu sering difahami sebagai orang yang boleh melakukan magis yang ghaib dan luar biasa. Keselarian berlaku antara Melayu dan Islam dengan mempergunakan keghaiban Tuhan sebagai asas untuk membentuk konsep magis dan melakukan kegiatan yang berupa magis. Misalnya dalam perubatan Melayu yang menggunakan ‘mantra’ (Hindu) atau ‘jampi’ (Melayu) berganding rapat dengan ‘doa’ (Islam) yang dibaca bukan hanya dengan ‘Bismillah’ bahkan dengan ayat suci al-Quran atau pun segala macam ‘doa’ yang diajarkan sebagai sistem perubatan Nabi. Maka pemikiran magis ini berkembang dan bersatu dalam pemikiran dan kegiatan masyarakat untuk kekal sebagai warisan berpanjangan.

Pemikiran masyarakat Melayu pada zaman Hindu-Buddha seringkali beranggapan bahawa seseorang pemerintah itu adalah Tuhan manakala rakyat adalah hamba. Menurut Ishak Saat (2006), kedudukan raja dan golongan bangsawan sering dikaitkan dengan unsur-unsur kudus dan suci serta seorang manusia yang memiliki kuasa-kuasa ghaib. Amalan kepercayaan harian masyarakat Melayu secara keseluruhannya berhubungan dengan kesenian, mitos, amalan kepercayaan karut, kepercayaan kepada unsur karut, kepercayaan kepada unsur hantu, amalan pendewaan dan perbomohan seperti mantera, jampi dan nujum serta pelbagai bentuk kehidupan di alam fantasi. Dalam naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* ada memerihalkan tentang sumpahan yang dikenakan terhadap seseorang yang gagal dalam melakukan sesuatu perkara. Peristiwa tersebut digambarkan dalam petikan berikut:

“Maka datanglah segala anak raja-raja hendak meminang tuan puteri itu disuruh memanah pohon beringin hendakkan sekali terus keempat puluhnya. **Maka seorang pun segala anak raja-raja itu tiada dapat meneruskan pohon beringin itu laku canggung anak raja-raja itu terdiri menjadi pohon beringin emas.** Ada kiranya tujuh bulan lamanya datang anak raja di sebelah Mangeran kurang empat puluh semuanya itu datang hendak meminang belaka; semuanya itu menjadi pohon beringin emas juga. Sebab itulah maka menjadi sembilan puluh satu tuanku menjadi puaka besar. Apabila malam kedengaranlah suaranya meratap dan menangis serta dengan merdu bunyi suaranya menghancurkan hati yang mendengarnya.”

(*Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*: 53-54)

Petikan di atas menerangkan bahawa pada asalnya jumlah pohon beringin adalah sebanyak empat puluh batang. Segala anak-anak raja dari pelosok negara datang mencuba untuk memanah empat puluh batang pohon beringin dengan sekali panahan kerana merupakan syarat yang telah ditetapkan untuk memiliki Puteri Jinjana. Namun, kesemua anak-anak raja tersebut gagal melaksanakan hajat masing-masing lalu disumpah menjadi pohon beringin emas. Jumlah pohon beringin emas telah pun bertambah kepada sembilan puluh satu batang. Apabila pada waktu malam, sembilan puluh satu pohon beringin emas tersebut akan menghasilkan bunyi yang boleh meruntunkan hati bagi sesiapa yang mendengarnya. Fenomena sumpahan tersebut boleh dikatakan sebagai satu unsur magis yang berkait rapat dengan sumpahan. Sumpahan tersebut berlaku disebabkan kegagalan anak-anak raja tersebut dalam melaksanakan objektif yang ingin dicapai iaitu memanah empat puluh batang pohon beringin dengan sekali panahan.

Kekuatan luar biasa yang dimiliki oleh seseorang raja tidak boleh disangkal. Perkara ini menjadi pemisah yang membezakan taraf di antara rakyat biasa dan pemerintah. Baginda Usul Majlis yang bersungguh-sungguh ingin memperisterikan Puteri Jinjana telah menyahut cabaran untuk memanah pohon-pohon beringin emas tersebut. Peristiwa Baginda Usul Majlis hendak memanah kesemua Pohon beringin emas tersebut diperihalkan menerusi petikan berikut:

“Syahdan seketika Baginda Usul Majlis berdiri itu, maka baginda pun tersenyum memandang kakanda adinda anakanda sambil baginda mengenakan busur panahnya; dilentur-lentur baginda seraya berdiri di atas kudanya dan menyandangkan panahnya yang bernama Pertala Kapas terlalu sangat pantas sikapnya seperti Sang Rajuna memberi hairan tercengang-cengang segala orang yang memandangnya. Maka Setiawan pun hampir dekat dengan baginda seraya datang sembah perlahan-lahan, “Wahai Tuanku Aji Duli Mahkota batu kepala patik! Dipertetapkan dahulu hati tuanku baharulah duli memanah.” Baginda pun tersenyum seraya

berkata, “Jangan susah hati kakanda! Serahkan sahaja kami kepada Ilahi.” Maka Setiawan pun diam, maka Baginda Usul Majlis Perdana Halim pun mengambil panahnya sambil dipusing-pusing baginda seraya berkata, “Hei panahku yang sedia sakti pesaka turun menurun daripada Baginda Syah Ririn gempita gunung kedua berputera! Pergilah engkau teruskan pohon beringin emas yang sembilan puluh satu itu dengan sekali terus.” **Baginda berkata-kata seraya dipanah baginda kepada pohon beringin emas itu; berdengung-dengung bunyinya anak panah itu seperti kilat menuju pohon beringin emas yang sembilan puluh satu itu terus kesemuanya sekali panah itu pun lepaslah ke sebelah padang.** Maka pohon beringin emas itu pun rebah tumbang; sorak segala raja-raja menteri hulubalang pun septikan kiamat bunyinya.”

(*Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*: 108)

Petikan tersebut menunjukkan bahawa Baginda Usul Majlis Perdana Halim sangat tenang dan yakin untuk memanah kesemua pohon beringin emas tersebut. Baginda sudah bersiap siaga dengan busur dan anak panahnya yang bernama Pertala Kapas yang dikatakan mempunyai ketepatan dan kelajuan yang ajaib. Walaupun Baginda Usul Majlis nampak yakin untuk melaksanakan misi tersebut, namun tidak pula bagi Setiawan yang amat risau dengan baginda. Setiawan menasihati baginda supaya jangan terlalu yakin dengan diri sendiri kerana akan membawa kesan yang buruk kemudian hari. Baginda tetap tersenyum dan yakin kepada Ilahi bahawa beliau akan berjaya memanah kesemua pohon beringin emas tersebut. Tanpa membuang masa, baginda membacakan sepotong ayat hikmat kepada anak panah Pertala Kapas dan terus memanah ke arah pohon beringin emas itu berada. Akhirnya, kesemua pohon-pohon tersebut berjaya dipanahnya dengan sekali panahan dan segala menteri dan hulubalang bersorak kegembiraan. Hal ini menunjukkan Baginda Usul Majlis mempunyai kekuatan yang luar biasa yang tidak dimiliki oleh manusia biasa. Secara logiknya, manusia biasa tidak akan mampu untuk memanah sebanyak sembilan puluh satu pohon dengan satu anak panah sahaja dan dengan kekuatan luar biasa yang dimiliki Baginda Usul Majlis membuktikan sebaliknya.

#### 4.2.2 Kepercayaan Terhadap Kewujudan Makhluk Halus

Zainal Kling (2009) menyatakan pada zaman awal kedatangan Islam, gagasan ‘dewata mulia raya’ dan ‘sang hyang’ telah bertukar menjadi Allah sebagai pencipta dan merupakan satu-satunya yang tiada tolok bandingnya. Alam semesta Melayu telah lama dihuni oleh semua jenis makhluk ghaib yang berada di dalam kekuasaan Allah sebagai pencipta yang teragung. Selain itu, terdapat beberapa jenis perwatakan baru yang menghuni kosmos Alam Melayu yang terdiri daripada malaikat, ‘kenabian dan rasul’ di samping pelbagai jin, syaitan, dewa-dewi dan hantu. Pawang, dukun dan bomoh kini mempunyai hubungan yang langsung dengan Allah untuk memohon segala doa dan jampi dalam segala bacaan mantera. Oleh itu, Islam telah mengangkat tinggi kerohanian yang jitu dan akliyah dengan bentuk kuasa ghaib daripada Allah yang lebih diyakini kewibawaannya.

Muhd. Mansur Abdullah (1984) menyatakan bahawa cerita-cerita kepercayaan tentang hantu dimuatkan dalam cerita-cerita mitos, legenda dan penglipur lara. Komuniti masyarakat Melayu tradisional banyak bergantung kepada amalan animisme untuk menimbulkan kepercayaan sebegitu seterusnya dianggap sebagai satu kisah yang benar. Dukun, bomoh dan pawang dalam masyarakat Melayu adalah merupakan orang pengantara antara manusia dan makhluk halus. Maka lahirlah mantera dan jampi yang berfungsi untuk memujuk dan meminta bantuan daripada makhluk halus supaya dapat memberikan kesejahteraan kepada masyarakat kampung, tanaman dan keseluruhan hidup mereka.

Makhluk halus tidak dapat dinafikan kewujudannya pada bila-bila masa. Manusia mempercayai bahawa makhluk halus merupakan sebahagian daripada ciptaan Tuhan, namun kelibat mereka yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar menimbulkan ketakutan dan kegusaran kepada manusia. Baginda Usul Majlis yang secara tiba-tiba mendengar satu suara memanggilnya yang tidak tahu dari mana arahnya merasa ketakutan. Peristiwa kewujudan makhluk halus dalam naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* digambarkan dalam petikan di bawah:

“Setelah baginda mendengarkan bunyi suara yang demikian itu maka baginda pun berkata, “Hei suara! Siapakah engkau? Tunjukkanlah dirimu itu.” Sahutnya, “Tiada boleh engkau melihat aku kerana aku ini seperti bayang-bayang juga. Tidakkah engkau tahu Puteri Jinjana itu anakku seperti bayang-bayang juga? Aku datang mendapatkan isteriku dan namaku **Hantu Dular**. Setelah baginda Usul Majlis mendengar kata yang demikian itu, maka segala bulu romanya baginda pun seram rasanya dan Bongsu Dewa pun gementar segala sendi tulangnya lalu rebah pengsan daripada takutnya. Maka segera disambut baginda seraya dibicara baginda suatu mantera ditüpkan baginda. Maka Bongsu Dewa pun sedarlah seraya berkata, “Silakan kita kembali, takut sangat hati patik hendak berjalan.” Tiada boleh rasanya berkata-kata itu putus-putus bunyi suaranya.”

(*Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*: 92)

Petikan tersebut menunjukkan bahawa Baginda Usul Majlis sangat terkejut kerana mendengar satu suara yang memanggilnya dari arah yang tidak diketahui. Suara tersebut merupakan ayah kepada Puteri Jinjana iaitu Hantu Dular. Hantu Dular tidak dapat dilihat oleh Baginda Usul Majlis kerana merupakan sejenis makhluk halus yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Bongsu Dewa yang bersama dengan baginda ketika itu rebah pengsan kerana ketakutan. Baginda dengan segera membacakan mantera lalu ditüpkan mantera tersebut ke arah Bongsu Dewa. Bongsu Dewa tersedar dari pengsan lalu meminta Baginda Usul Majlis untuk segera beredar kerana risau suara Hantu Dular yang tidak berhenti-henti memanggil mereka berdua. Kehadiran Hantu Dular dalam kehidupan Baginda Usul Majlis memberikan satu pengalaman yang baru dalam kehidupannya iaitu mempercayai terhadap kewujudan makhluk halus. Oleh itu, manusia tidak boleh menafikan tentang kewujudan makhluk halus kerana mereka merupakan salah satu kejadian Allah yang istimewa seperti para malaikat.

#### 4.3 Penggunaan Sirih

Wan Ramli Wan Muhamad (2006) menjelaskan bahawa terdapat beberapa pandangan mengenai adat resam masyarakat Melayu berhubung dengan lawatan dan kunjungan. Bagi adab sebagai tetamu yang perlu diambil perhatian ialah masa kunjungan yang sesuai, bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi, penampilan diri dan tingkah laku yang sopan sekiranya berniat untuk menziarahi atau ingin menumpang tinggal di rumah seseorang. Bagi adab menerima tetamu pula ialah menjawab salam daripada tetamu, mempersilakan tetamu masuk dan menyuruh mereka duduk di tempat yang sesuai seperti ruang tamu atau anjung rumah. Pihak tuan rumah perlu melayan tetamu dengan muka yang manis dan menanyakan soalan dengan lembut serta sopan mengenai maksud kedatangan mereka. Masyarakat Melayu tradisional amat sinonim dengan penyediaan hidangan sirih kepada para tetamu yang datang berkunjung.

Shida Irwana Omar dan Badaruddin Mohamed (2014) menjelaskan bahawa dalam adat resam Melayu, tetamu yang hadir akan dihidangkan dengan secawan kopi atau minuman sejuk atau sirih kapur sebagai tanda keraian dan menghormatkan tetamu. Sekapur

sirih atau makan sirih merupakan adat masyarakat India yang telah diturunkan secara turun-temurun kepada orang-orang Melayu pada zaman dahulu. Lazimnya, masyarakat Melayu akan menghidangkan tepak sirih kepada para tetamu yang hadir ke rumah. Hidangan tepak sirih menzahirkan rasa berbesar hati tuan rumah dikunjungi oleh tetamu dan sekapur sirih yang dikunyah oleh tetamu akan menambahkan perhubungan yang erat. Setelah sama-sama mengunyah sirih, maka diterangkanlah akan tujuan kedatangan.

Dalam istiadat perkahwinan Melayu, sirih menjadi “kepala adat”, sama ada dalam upacara bertunang, menghantar belanja, akad nikah dan tujuan lain. Amran Kasimin (2002) menyatakan bahawa sirih yang dibawa ke majlis pertunangan digubah dengan indah dan menarik. Hal ini bersesuaian dengan kedudukannya sebagai kepala adat atau penghulu istiadat. Kebiasaannya, sirih digubah dalam bentuk sirih junjung yang dihias dengan bunga-bunga yang berwarna-warni dan disertakan dengan gambir dan pinang yang diselitkan di celah-celah daun sirih. Tepak sirih pula merupakan barang hantaran yang mesti dibawa oleh ketua rombongan. Dalam adat orang Melaka, tepak sirih mestilah diisi dengan lengkap dan disusun betul mengikut turutan. Kelengkapan sirih yang kurang dan susunan tidak betul akan menimbulkan kemarahan kepada pihak perempuan kerana ia dianggap sebagai satu penghinaan.

Ng Chalida Fachruddin (1995) pula menyatakan bahawa sirih merupakan salah satu bahan yang digunakan oleh masyarakat Melayu Sumatera Timur dalam adat perkahwinan. Sirih digunakan dalam dua situasi semasa berlangsungnya majlis perkahwinan. Pertama ialah sirih genggam. Pengantin lelaki akan membawa sirih genggam ketika hendak bertemu dengan pengantin perempuan. Pada masa yang sama, pengantin perempuan sudah sedia ada dengan sirih genggamnya yang tersendiri. Setelah kedua-dua pasangan bersanding, maka sirih genggam akan ditukarkan antara satu sama lain sebagai salam perkenalan. Kedua ialah bunga sirih. Bunga sirih akan dihias seperti sebuah replika rumah, masjid, boneka, binatang atau apa sahaja oleh pihak pengantin lelaki. Replika sirih tersebut akan diisi dengan bahan bergantung kepada bahan yang paling banyak di dalam daerahnya. Sebagai contoh, di daerah Brastagi yang terletak di Sumatera Utara yang mengamalkan tradisi membawa replika pedati berisi sayur-sayuran atau buah-buahan. Semakin ramai atau besar keluarga pihak pengantin lelaki maka replika sirih yang akan dibawa pun akan semakin banyak. Hal ini dipercayai akan melambangkan berkembangnya kesuburan dan kerukunan pihak keluarga pengantin lelaki.

Dalam naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*, terdapat beberapa petikan naskhah yang menyatakan tentang perihal sirih seperti yang ditunjukkan dalam petikan-petikan berikut:

“Seketika santap lalu sudah basuh tangan **santap sirih** memakai bau-bauan, maka Puteri Jinjana pun memberikan puannya kepada Maulana Bongsu. Maka segera disambut Maulana Bongsu seraya menyembah, diambilnya sekapur lalu dimakannya.”

(*Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*: 62)

“Maka Shah Alam Besar pun tersenyum serta dengan gemarnya memandang adinda baginda berkata-kata seperti hendak disambut pada rasanya. Maka hidangan pun diangkat orang ke hadapan permaisuri. Maka permaisuri pun santaplah tiga berputera. Seketika santap lalu sudah basuh tangan, **santap sirih** sebahagian diberikan anakanda baginda kedua seketika duduk.”

(*Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*: 89)

“Maka segera disambut Permaisuri Gunung seraya diambilnya sekapur seorang; puan itu pun dikembalikannya dan **sirih** kepada isteri menteri hulubalang itu pun diperedarkan oranglah. Maka sekalian pun makanlah sirih masing-masing kepada kadarnya seketika duduk itu.”

(*Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*: 98)

Kegunaan sirih dalam naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* adalah sebagai santapan juadah golongan diraja. Meskipun sifatnya yang tidak akan mendatangkan kekenyangan, namun hidangan sirih dalam kalangan golongan diraja adalah sangat popular. Kemungkinan sirih berfungsi sebagai pembuka selera untuk menikmati juadah yang lebih berat. Sekiranya terdapat tetamu diraja yang datang berkunjung, sirih akan menjadi satu keutamaan dalam penyediaan makanan yang melambangkan kesantunan dan budi bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu yang menerima kunjungan. Sebagai contoh, dalam petikan pertama ditunjukkan bahawa Puteri Jinjana menikmati sirih yang dihidangkan oleh Maulana Bongsu. Maulana Bongsu menerima kunjungan Puteri Jinjana dengan hati yang terbuka lalu menyediakan sirih sebagai menu yang menandakan kesudian menerima kehadiran tetamu.

Petikan kedua pula menjelaskan bahawa dalam adat istiadat di istana, hidangan sirih seolah-olah telah menjadi satu keutamaan untuk dihidangkan kepada para tetamu yang datang berkunjung. Kehadiran Shah Alam Besar di istana disambut oleh Permaisuri Beranta Nurhalam dengan santapan sirih. Santapan sirih telah menjadi satu simbol makanan ruji dalam kalangan golongan istana kerana sirih tersebut dianggap sebagai satu kudapan sambil berbual-bual bertanyakan tujuan kedatangan.

Dalam petikan pertama dan ketiga tersebut, ada dinyatakan tentang perkataan ‘puan’. Jika diteliti dalam konteks masa kini, perkataan puan sebagai satu panggilan penghormatan kepada kaum wanita. Perkataan ‘puan’ telah digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional yang merujuk kepada tepak sirih. Noriah Mohamed (2014) menjelaskan bahawa puan kebiasaannya berbentuk bulat dan melebar yang melambangkan keindahan dan ada persamaannya dengan keindahan yang wujud pada diri seseorang wanita. Menurut beliau lagi, santapan sirih turut digunakan sebagai bahan perubatan. Fungsi kegunaan sirih dalam bidang perubatan adalah untuk menghentikan darah yang keluar dari hidung dengan menyumbatkan sirih yang telah digulung kecil. Selain itu, sirih turut berfungsi untuk menghilangkan kembung perut dengan menyapu sirih ke atas perut yang telah diganggang di atas api. Sirih yang diramas-ramas dengan menggunakan air dapat menyejukkan kepala. Oleh itu, golongan kerabat diraja telah memanfaatkan penggunaan sirih sebagai suatu medium untuk merawat penyakit selain untuk dihidangkan kepada para tetamu yang datang.

#### **4.4 Adat Istiadat Perkahwinan Diraja**

Yaacob Harun (1995) menyatakan perkahwinan didefinisikan sebagai satu kesatuan seksual yang sah di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan dan anak-anak yang dilahirkan hasil daripada kesatuan tersebut diakui sebagai anak-anak yang sah iaitu mempunyai taraf serta kedudukan sosial sepenuhnya. Perkahwinan juga merupakan suatu keperluan yang telah diterima oleh manusia sangat sebagai cara yang sah mengikut syarak bagi seorang lelaki dan wanita tinggal bersama-sama tanpa gangguan atau prasangka buruk dari anggota masyarakat yang lain. Sekiranya berlaku perceraian atau pembubaran perkahwinan, ia tidak boleh dipersalahkan kepada sesiapa kerana perceraian dianggap sebagai suatu takdir yang telah ditentukan oleh Allah.

Nilai kasih sayang merupakan nilai asas yang menggerakkan institusi kekeluargaan sebagai institusi penting dalam masyarakat. Zainal Abidin Borhan dan Zamre Abu Hassan dalam Abd Rahim Abd. Rashid et al. (2006) ada menyatakan bahawa keluarga dalam masyarakat Melayu membawa erti satu kesatuan emosi dan pengakuan terhadap adanya hak dan tanggungjawab bersama yang menyatukan anggota keluarga sebagai satu unit sosial. Keluarga dibina oleh perasaan saling mengharap yang menerbitkan hak dan tanggungjawab

yang boleh dituntut sama ada dari segi aspek agama, politik, ekonomi atau sosial. Keluarga Melayu dibina berdasarkan emosi ikatan kasih sayang. Aspek kasih sayang ini menjadi penggerak utama dalam melahirkan perasaan dan nilai-nilai kebahagiaan rumah tangga yang lain.

Ismail Hamid (1988) menyatakan bahawa adat istiadat perkahwinan diraja Melayu terbahagi kepada dua tahap. Tahap pertama ialah istiadat peminangan dan tahap yang kedua ialah istiadat perkahwinan. Dalam adat istiadat perkahwinan terkandung upacara-upacara yang bertujuan memeriahkan majlis seperti majlis berinai, bersanding dan makan nasi adap-adapan. Kebanyakan adat istiadat perkahwinan yang dijalankan dalam kalangan keluarga diraja Melayu adalah hampir sama dengan apa yang diamalkan oleh golongan rakyat biasa. Satu perkara yang berbeza di antara kedua-dua golongan ini adalah golongan diraja Melayu akan mengadakan adat mengarak pengantin yang akan membawa pengantin mengelilingi kota sebelum disambut ke istana. Adat mengarak pengantin ini akan diikuti oleh golongan wanita yang membawa rebana, kumpulan nobat, pembawa tombak kerajaan dan usungan pengantin. Sekiranya pengantin lelaki merupakan seorang raja yang memerintah, usungan pengantin tersebut akan ditutup dengan kelambu berwarna kuning. Sekiranya pengantin itu merupakan raja muda maka kelambu yang berwarna hijau akan digunakan.

Masyarakat Melayu tradisional khususnya dalam kalangan kerabat diraja tidak terkecuali dalam urusan pencarian jodoh. Majlis perkahwinan dalam adat istiadat perkahwinan raja-raja Melayu merupakan satu majlis yang panjang lebar dan memerlukan belanja yang besar serta memakan masa yang panjang. Dalam naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* ada menyatakan perihal tentang perkahwinan di antara Baginda Usul Majlis dengan pasangannya iaitu Puteri Jinjana seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

“Syahdan, adapun akan Baginda Usul Majlis dipatut oleh bonda baginda sekalian itu pun sudahlah; lalu dipimpin dibawa berjalan naik ke **mahligai** dan Tuan Puteri Jinjana pun sudahlah memakai dengan selengkap pakaian yang indah-indah lalu didudukkan di atas peterana bertatahkan rakna mutu manikam dihadap Siti berjawatan. Adapun akan Baginda Usul Majlis pun dudukkan di atas hamparan yang beremas pegun, maka datanglah Maulana Muda menikahkan baginda.”

*(Ini kahwin dengan Puteri Jinjana: 134)*

Petikan di atas menyatakan bahawa Baginda Usul Majlis telah berjaya mengahwini Puteri Jinjana setelah berjaya memanah kesemua sembilan puluh satu pohon beringin emas. Majlis perkahwinan baginda disambut dengan meriahnya dengan mengikut adat majlis perkahwinan diraja. Baginda Usul Majlis yang telah didandan oleh bondanya telah dibawa menuju ke mahligai Puteri Jinjana yang sudah siap dengan pakaian pengantin yang indah. Pasangan tersebut telah didudukkan di atas kerusi yang telah dihias dengan batu intan permata yang berkilauan dan dihadapkan kepada segala para tetamu yang hadir. Maulana Muda merupakan seorang juru nikah telah ditugaskan untuk menikahkan pasangan tersebut. Perkahwinan diraja merupakan sesuatu majlis yang paling penting dalam sesebuah negeri dan akan disertai oleh rakyat biasa bagi memeriahkan lagi majlis tersebut. Adakalanya perkahwinan diraja merupakan sesuatu majlis yang ditunggu-tunggu oleh rakyat kerana ingin menyaksikan majlis yang bersejarah dan bermakna selain menikmati suasana istana dan balairungseri yang akan dihias indah, lengkap dengan tempat persandingan dan tempat peraduan.

#### 4.5 Perubatan Tradisional

Perubatan tradisional sama seperti perubatan moden yang mempunyai matlamat yang serupa iaitu untuk menyembuhkan penyakit dan penderitaan dengan kaedah tersendiri. Norhalim Haji Ibrahim (1997) menjelaskan bahawa perubatan tradisional akan melibatkan pakar-pakar perawat tradisional seperti tabib, pawang, bomoh dan dukun. Golongan pakar dalam perubatan tradisional tersebut mempunyai dua fungsi utama iaitu berusaha untuk mengubati penyakit dan berusaha untuk menyakiti. Bagi tujuan untuk mengubati, bomoh atau dukun akan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran atau jampi-jampi yang tidak akan menyekutukan Allah. Bagi tujuan yang lain seperti menyakiti dan menganiaya pula akan menggunakan ilmu hitam yang melibatkan perantaraan di antara iblis, syaitan dan jin-jin jahat.

Panuti H.M. Sudjiman (1996) menyatakan bahawa air membawa makna kedamaian dan digunakan untuk menghilangkan segala kekotoran dan adakalanya untuk menghilangkan sial. Penggunaan air dalam tradisi Melayu amat menonjol terutama dalam kalangan raja-raja dan senario ini boleh didapati daripada adat raja-raja Melayu seperti mandi di persada lima tingkat. Sifat-sifat air seperti tenang, suci dan bersih menunjukkan bahawa penggunaan air adalah sangat dominan dalam kalangan masyarakat keseluruhannya tidak kira digunakan dalam apa jua perbuatan atau pekerjaan khususnya dalam bidang perubatan. Air mawar yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional merupakan satu langkah untuk mengubati penyakit-penyakit ringan.

Penggunaan air mawar amat sinonim dengan perubatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional khususnya dalam kalangan golongan istana seperti yang ditunjukkan dalam petikan-petikan berikut:

“Syahdan, maka perdana menteri pun datanglah membawa **air mawar** lalu dipersembahkannya seraya menyembah segera disambut ratu agung lalu disapukannya kepada muka adinda baginda. Maka Usul Majlis Perdana Halim pun sedarkan dirinya lalu bangun duduk seraya menyembah kepada baginda sekalian, serta dengan tidak berketauan rasa hatinya seperti hendak pergi rasanya mendapatkan naik ke mahligai Puteri Jinjana; daripada malunya juga akan segala raja-raja itu hingga mengeluh mengucap tiada berhenti.”

(*Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*: 50)

“Syahdan, adapun akan Baginda Usul Majlis, setelah adinda baginda sudah kembali dengan segala isterinya, maka baginda pun melangkah dekat isterinya seraya berkata, “Mengapa tuan ini diam tiada berkata-kata?” Sahut tuan puteri, “Tiada apa yang beta hendak hiburkan kakanda.” Maka baginda pun tersenyum seraya berkata, “Lamun tuan tiada dimurkakan abang tolong apalah bubuhkan **air mawar** ke tubuh abang sangatlah rimas lesu rasanya badan kakanda.” Maka tuan puteri pun tersenyum seraya berkata, “Bagaimanakan tidak lesu olehnya belum bertemu dengan orang yang berahkan itu. Lamun sudah bertemu esok semuanya hilang; tuan puteri berkata-kata sambil membubuhkan air mawar ke tubuh suaminya.”

(*Ini kahwin dengan Puteri Jinjana*: 120)

Berdasarkan kepada petikan pertama, dikisahkan bahawa Baginda Usul Majlis Perdana Halim telah pengsan dan telah menyebabkan seisi istana berasa bimbang dengan keadaan baginda. Perdana menteri telah mengadap sambil membawa air mawar untuk dipersembahkan sebagai penawar. Air mawar tersebut telah disambut oleh ratu agung lau disapukannya ke muka baginda. Baginda Usul Majlis tersedar dari pengsannya. Setelah tersedar, baginda masih ingin pergi ke mungkur Puteri Jinjana seakan-akan baginda terkena

suatu sumpahan dari Puteri Jinjana. Penggunaan air mawar yang digunakan oleh golongan istana seperti yang dikisahkan dapat menyedarkan seseorang setelah jatuh pengsan. Air mawar dikatakan sebagai sejenis ubat tradisional yang diamalkan sama ada dalam kalangan rakyat biasa atau golongan diraja. Penggunaan air mawar sebagai salah satu kaedah perubatan sangat bersesuaian kerana sifatnya yang berbau harum dan indah apabila dipandang.

Petikan kedua pula mengisahkan bahawa Baginda Usul Majlis baru sahaja pulang bersama-sama dengan para isterinya. Baginda terus menuju ke arah isterinya dan meminta isterinya untuk menyapu air mawar ke tubuh baginda kerana berasa letih dan lesu. Isterinya memerli keadaan baginda yang berasa lesu kerana masih belum berjumpa dengan seseorang yang baginda berahikan iaitu Puteri Jinjana. Tambah isterinya lagi, setelah berjumpa maka akan hilanglah rasa kelesuan tersebut. Bagi masyarakat Melayu tradisional, penggunaan air mawar turut berfungsi sebagai penawar untuk menghilangkan kelesuan dan keletihan setelah penat berjalan dan mengembara. Noriah Mohamed (2014) menyatakan bahawa hubungan air dengan budaya Melayu tidak boleh dipisahkan kerana air merupakan salah satu unsur alam selain unsur api, angin dan tanah. Air dikatakan sebagai satu sumber dominan di dalam diri setiap manusia. Jika jatuh sakit, air akan digunakan sebagai pengubat dan pelbagai jenis air digunakan di dalam budaya Melayu seperti air mawar, air tolak bala, air bunga, air Yassin dan sebagainya. Berdasarkan penggunaan air mawar yang amat dominan dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional khususnya dalam bidang perubatan, penggunaan air mawar telah dipelbagaikan fungsinya dalam majlis pengkebumian atau majlis perkahwinan pada masa kini.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Secara konklusinya, perbincangan mengenai cerminan masyarakat dalam naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* dapat ditelusuri menerusi pendekatan sosiologi. Naskhah *Ini kahwin dengan Puteri Jinjana* merupakan sebuah manuskrip yang bersifat hikayat yang mengandungi penceritaan mengenai kehidupan golongan diraja. Pelbagai jenis cerminan masyarakat yang terkandung khususnya berkaitan dengan kehidupan golongan diraja yang penuh dengan adat dan tradisi. Unsur kesenian dan kebudayaan yang digambarkan melalui naskhah ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional sememangnya mempunyai warisan tradisi yang unggul.

## Rujukan

- A. Rahman Yusof. (1988). Sosiologi Sastera dan Sumbangannya dalam Penelitian Kesusastraan Malaysia. Dlm. Hamzah Hamdani (pngr.). *Konsep dan Pendekatan Sastera*, hlm. 82-99. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Tubah. (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin. (2002). *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Din (pnyt.). (2007). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anwar Ridhwan (pngr.). (2005). *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aoh K Hadimajda. (1972). *Aliran-aliran Klasik, Romantik dan Realisme*. Jakarta: Pustaka Jaya.

- Haron Daud. (1985). "Sejarah Melayu: Satu Kajian dari Aspek Pensejarahan Budaya." Tesis Sarjana Persuratan Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Jaafar. (2004). *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ishak Saat. (2006). *Sejarah Sosiobudaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manu Sikana. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Modern*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Membunga@Siti Meriam Yaacob. (2015). Penyelesaian Konflik dalam *Misa Melayu*. Dlm. Rahimah A. Hamid. (pnyt.). *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera*, hlm. 39-49. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhd. Mansur Abdullah. (1984). *Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Penerbitan Tratra.
- Ng Chalida Facruddin. (1995). Tatarias Pengantin Melayu Sumatera Timur. Dlm. Ismail Hussein, A. Aziz Deraman & Abd. Rahman Al-Ahmadi (pngr.). *Tamadun Melayu*. Jil. 5, hlm. 2056-2074. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2014). *Benang Sari Melayu-Jawa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhalim Haji Ibrahim. (1997). *Perubatan Tradisional*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Panuti H.M. Sudjiman. (1996). *Adat Raja-raja Melayu*. Jakarta: Universitas Indonesia
- Shida Irwana & Badaruddin Mohamed. (2014). Amalan Hospitaliti dalam Masyarakat Melayu Tradisional dan Sekarang: Kajian Kes Program Inap Desa di Jalan Bharu, Pulau Pinang. Dlm. Nazarudin Zainun & Darlina Md. Naim (pnyt.). *Kearifan Tempatan: Merekayasa Kearifan Tempatan Budaya, Pelancongan, Arkeologi dan Sejarah*, hlm. 82-91. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Wan Ramli Wan Muhamad. (2006). *Adat Resam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara.
- Yaacob Harun. (1995). *Kekeluargaan dan Perkahwinan Melayu: Konsep Asas*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zainal Kling. (2009). Islam dan Kebudayaan Alam Melayu. Dlm. Mohd. Fauzi Yaacob (pnyt.). *Malaysia: Transformasi dan Perubahan Sosial*, hlm. 20-24. Shah Alam: Arah Publications.
- Zubir Idris. (1999). "Misa Melayu: Satu Kajian Teks." Tesis Sarjana Sastera Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia